

BERKEK EKOR KAPAS
Common Snipe

FAMILI : Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK : *Gallinago gallinago*



CIRI-CIRI

Secara keseluruhan, burung ini mempunyai saiz badan yang besar dengan paruh yang panjang dan kaki pendek, warna bulu di bahagian kepala dan atas badan mempunyai jalur-jalur gelap manakala bahagian atas badan berwarna putih. Bahagian leher dan dada mempunyai jalur-jalur berwarna gelap. Berkek Ekor Kapas ini mempunyai paruh yang panjang, garisan hitam yang tebal di bahagian atas mata, jalur-jalur berwarna kuning kemerahan pudar ke kuning kemerahan-putih di bahagian atas badan dan tompok putih di bahagian perut dan bawah tongkeng. Bahagian kaki berwarna hijau-kekuningan ke kelabu-kehijauan. Selalunya, spesies ini mempunyai bilangan bulu di bahagian ekor sebanyak 12-18. Bagi burung juvenil, bahagian sayap berwarna putih cerah.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 25.0 - 27.0 sm. Berat 72-181 g.

MAKANAN

Siput, kerang, udang, ketam, serangga dan ulat.

HABITAT

Pelbagai jenis tanah lembap dan sawah padi hingga ke ketinggian 1,220 m dari paras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi *scaaaaap* yang bernada tinggi.

TABIAT

Spesies ini mencari makanan dalam kumpulan yang kecil.

PEMBIAKAN

Membidak dalam bulan April hingga Jun. Individu betina boleh menghasilkan 4 biji telur.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.

CIRI: Secara keseluruhannya, burung ini berwarna gelap dengan garisan putih yang jelas di bahagian kepek dan bawah ekornya. Selain itu, ia mempunyai ciri seakan-akan perisai di hadapan muka dan paruh yang merah dengan hujungnya yang berwarna kuning. Selain daripada itu, kaki dan jari kakinya juga berwarna kuning. Bagi burung juvenil, bahagian badan atas agak kecoklatan dengan paruh dan juga perisai muka hijau kecoklatan dan warna kaki yang lebih pudar.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0 - 38.0 sm. Berat 173 - 493 g.\